



Perbankan Islam *untuk* bukan Islam dari perspektif Syariah

Bank Muamalat Malaysia Berhad

Bank Muamalat Malaysia Berhad yang memulakan perniagaan pada 1 Oktober 1999, merupakan institusi perbankan Islam sepenuhnya yang beroperasi di bawah Akta Bank Islam 1983. Beribujejabat di Kuala Lumpur, Bank Muamalat merupakan peneraju institusi kewangan Islam yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang berlandaskan Syariah.

Dengan misi kami 'untuk menyampaikan nilai terbaik kepada pihak-pihak yang berkepentingan' dan visi kami 'untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan Islam pilihan', Bank Muamalat bersedia memainkan peranan yang penting dalam menyediakan produk dan perkhidmatan kepada semua sektor ekonomi Malaysia tanpa mengira latarbelakang agama dan bangsa.

Disediakan oleh

Mohd Hafiz Haji Fauzi
Muhamad Fadli Abdullah
Nurul Aiman Abdul Basik
Wan Hanan Hanim Wan Mohamad

Pruf

Karim Dato' Mohammed Adnan
Saidatul Leiza Suleiman

Editor Seni

Md Zaid Nadwi Ramli

Kandungan

PERKARA	MUKASURAT
Pendahuluan	2
Pengenalan Kepada Muamalat Islam	4
Sistem Muamalat Islam: Adil dan Saksama	6
Falsafah Larangan Riba, <i>Gharar</i> , dan Judi	10
Sistem Perbankan & Kewangan Islam: Satu Penyelesaian	14
Kelebihan Perbankan Islam Berbanding Perbankan Konvensional	16
Pandangan Bukan Islam terhadap Perbankan Islam	18
Pandangan Agama-agama Lain Terhadap Larangan Bertransaksi Dengan Sesuatu Yang Haram	19
Penutup	20
Glosari	20
Bibliografi	21

PENDAHULUAN

Industri kewangan dan perbankan Islam di Malaysia telah mengalami transformasi yang pesat sejak kebelakangan ini. Ia telah berkembang menjadi salah satu industri yang kompetitif dan menjadi salah satu pemacu pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara. Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara yang mempunyai sektor kewangan Islam yang paling komprehensif di dunia, disokong oleh semua komponen yang diperlukan oleh sesebuah sistem kewangan iaitu perbankan Islam, takaful, serta pasaran wang dan ekuiti Islam, berlandaskan sistem perundangan yang tersendiri dan menyeluruh.

Peningkatan perkembangan sektor kewangan Islam turut dapat dilihat menerusi minat dan komitmen yang ditonjolkan oleh pusat-pusat kewangan antarabangsa yang didominasi oleh masyarakat bukan Islam seperti London, Paris, Hong Kong, Singapura dan Jepun untuk membangunkan sektor kewangan Islam di negara mereka. Justeru, inilah masa dan peluang terbaik bagi negara-negara Islam seperti Malaysia untuk memperkuatkan struktur dan produk kewangan Islam mereka serta mengenangkan mereka kepada dunia sebagai pilihan utama kaedah pemulihran ekonomi global.

2

Bank-bank Islam juga perlu membayar kos operasi harianya

6

Bank-bank Islam juga mempunyai para kakitangan yang perlu dibayar gaji selaras dengan nilai pasaran

5

Kunci
Memahami
Wang Perniagaan
Kunci

1

Perbankan Islam merupakan institusi yang berlandaskan keuntungan bukan organisasi kebajikan

2

Bank-bank Islam juga perlu membayar zakat perniagaan

3

Bank-bank Islam merupakan syarikat-syarikat yang berlesen dan berdaftar yang tertakluk di bawah undang-undang Negara

4

Bank-bank Islam juga mempunyai pelabur-pelabur yang mengharapkan pulangan yang baik hasil pelburannya, dan ia bukannya wang subsidi yang diberi secara percuma

Nilai utama dalam perbankan dan kewangan islam

9. Menyokong kepada pendekatan ekonomi sebenar



PENGENALAN KEPADA MUAMALAT ISLAM

Perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia bermula dengan penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1963. Kejayaan Tabung Haji mendorong pelbagai pihak untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan agar menubuhkan sebuah bank Islam sepenuhnya. Gerakan ini adalah hasil pelbagai perbincangan dan kajian demi kajian yang akhirnya menghasilkan rumusan bahawa wujudnya keperluan menubuhkan sistem perbankan yang berteraskan syariah.

Hasilnya, kerajaan telah meluluskan penubuhan bank Islam yang pertama pada tahun 1983 yang dikenali sebagai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang dikawalselia di bawah Akta Perbankan Islam 1983. Setelah lebih kurang 10 tahun bank Islam pertama beroperasi, industri perbankan Islam melakar satu lagi sejarah di mana pada tahun 1993 diwujudkan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Melalui skim ini, institusi perbankan konvensional di beri kebenaran untuk menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam menggunakan prasarana yang sedia ada termasuk kakitangan dan cawangan.

Walau bagaimanapun, berkuatkuasa 1 Disember 1998, SPTF ditukar kepada Skim Perbankan Islam (SPI) kerana penggunaan istilah SPTF tidak mencerminkan penampilan sebenar operasi perbankan Islam yang dilaksanakan oleh institusi perbankan.

Muamalat Islam dan Perbankan Islam


Muamalat Islam



Muamalat merupakan peraturan perhubungan manusia sesama manusia yang berlandaskan syariat (perundangan Islam).




Muamalat adalah hukum Islam yang berkaitan dengan urusan ekonomi dan sosial seperti jual beli, pinjaman, sewaan dan sebagainya.



Muamalat ialah panduan untuk manusia menguruskan keperluan ekonomi mereka bagi memperoleh kesenangan hidup di dunia dan mencapai kebahagiaan di akhirat.


Perbankan Islam



Sistem perbankan yang berlandaskan undang-undang Islam (Syariah), iaitu fiqh muamalat (peraturan Islam dalam transaksi). Kesemua peraturan dan amalan di dalam fiqh muamalat berasal daripada al-Quran dan al-Sunnah dan sumber undang-undang Islam sekunder lain yang disepakati.



Bank merupakan institusi yang diwujudkan bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank yang berlandaskan syarak kepada semua masyarakat khususnya umat Islam.



It juga merupakan institusi kewangan yang berobjektif untuk mengimplementasikan prinsip ekonomi dan kewangan Islam dalam arena perbankan.

SISTEM MUAMALAT ISLAM: ADIL DAN SAKSAMA

Kebiasaannya, perbankan Islam dibezakan dengan perbankan konvensional kerana perbankan Islam tidak mengamalkan riba atau lebih dikenali sebagai faedah (*interest*). Sebenarnya, perbankan Islam adalah lebih daripada menjauhi riba. ia adalah berlandaskan prinsip-prinsip keadilan sejagat yang menekankan kesaksamaan dan ketelusan.

Sistem Berlandaskan Wahyu

6

1. Manusia sebenarnya tidak mampu untuk melakukan sesuatu dengan baik melainkan dengan berpandukan wahyu Tuhan. Ini bertepatan dengan sistem ekonomi Islam yang merupakan cabang dalam kesyumulan Islam.
2. Sistem ekonomi Islam mempunyai piawaian yang tetap iaitu bersumberkan wahyu al-Quran dan as-Sunnah. Sumber ini memberikan pencerahan yang jelas mengenai perkara asas muamalat seharian yang meliputi suruhan dan larangan dalam melakukan sesuatu transaksi.
3. Inilah perbezaan jelas mengenai sistem ekonomi Islam dan konvensional, sekalipun penyelidikan yang dijalankan tampak serupa tetapi sebenarnya ia melalui kepompong yang berbeza dan sudah pasti akan melahirkan implikasi yang berbeza.
4. Hal ini kerana, pakar ekonomi Islam bertujuan untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat, manakala pakar ekonomi sekular cuba menyelesaikan segala masalah yang timbul untuk mencapai kepuasan manusia di dunia sahaja dan bersifat untuk kepentingan individu.

Sistem Yang Lebih Adil

Terdapat beberapa pengertian yang di buat oleh cendekiawan tentang adil:



Kenapa perbankan Islam lebih adil?

Sistem perbankan Islam lebih adil berbanding konvensional berdasarkan:

- i. Maqasid Syariah yang mendasari sistem perbankan Islam
- ii. Etika dan nilai universal yang dilaksanakan

Maqasid Syariah

Ibn Rusyd menyifatkan maqasid sebagai hikmah di sebalik pensyariatan sesuatu hukum. Ia secara umumnya adalah rantai lima prinsip Islam yang asas iaitu menjaga dan memelihara:



Setiap undang-undang yang diturunkan oleh al-Quran dan as-Sunnah adalah bermatlamat untuk memelihara lima perkara ini. Undang-undang ini perlu dilaksanakan tanpa mengira bangsa, jantina dan agama. Undang-undang ini tidak membezakan antara bangsa dan negara. Di dalamnya tiada unsur kezaliman terhadap mana-mana pihak termasuk orang yang bukan Islam, semua mendapat hak yang saksama.

Kepentingan Maqasid Syariah Dalam Perbankan Islam

- Menjamin kelestarian sesama manusia
- Rukun dan syarat yang ditetapkan adalah bagi menjaga kepentingan semua pihak yang berakad
- Mengelakkan berlaku kezaliman dan penganiayaan kepada pihak yang terlibat
- Mengelakkan permusuhan, dendam dan kebencian
- Mewujudkan sikap telus, jujur dan ikhlas
- Mewujudkan kasih sayang dan sikap kerjasama

Etika dan nilai universal yang dilaksanakan

Selain itu, kewangan dan perbankan Islam mempunyai nilai-nilai Syariah yang selari dengan nilai universal di mana ia menjaga dan mengurus tadbir sistem dan individu yang terlibat dengan baik.

Nilai-nilai Syariah Selari dengan Nilai-nilai Universal

Aktiviti sebenar

Hubungan terus dengan ekonomi yang sebenar

Kepastian - disokong dengan aktiviti dasar (terhindar daripada unsur-unsur ketidakpastian)

Melarang proses '*leveraging*' yang melampau

Mata wang tidak diiktiraf sebagai komoditi

Urus tadbir

Ketelusan dan keterbukaan

Urus tadbir Syariah di samping urus tadbir konvensional

Risiko-risiko yang unik

Fidusiari dan kebertanggungjawaban

Menitikberatkan dokumentasi dan kontrak yang jelas bagi kesesuaian dan kestabilan

Etika

Mengelak daripada aktiviti yang tidak beretika seperti '*hoarding*'

Mengelak daripada aktiviti perjudian, barang-barang perkhidmatan yang tidak patuh Syariah

Proses penyaringan dalam aktiviti pelaburan

Toleransi dengan pelanggan yang mengalami kesusahan

Perkongsian

Hubungan kontraktual yang berbeza

Transaksi berdasarkan ekuiti dan perkongsian risiko

Ciri-ciri seperti terma-terma penting dalam perkongsian seperti pembahagian keuntungan dan risiko akan dinyatakan dengan jelas

FALSAFAH LARANGAN RIBA, GHARAR DAN JUDI

Di dalam urus niaga dan transaksi muamalat Islam, terdapat beberapa unsur dan elemen dalam transaksi muamalat Islam yang diharamkan oleh Islam secara mutlak. Unsur-unsur ini boleh menyebabkan sesuatu urus niaga itu menjadi tidak bertepatan dengan Syariah, haram dan terbatal. Di antara unsur-unsur dan elemen-elemen tersebut adalah seperti berikut:

- Riba;
- Judi (*maysir*);
- Ketidakpastian (*gharar*);
- Penipuan atau khianat; dan
- Barang/perkhidmatan yang haram.

Dalil larangan bermuamalat dengan sumber yang haram

Mengumpul dan memperbanyak harta, pangkat, kuasa dan pengaruh adalah salah satu daripada sifat biasa manusia. Kita sukakan harta disebabkan manfaat segera yang boleh dinikmati daripadanya. Sama ada harta tersebut dalam bentuk wang tunai atau juga aset seperti kenderaan, tanah, rumah, saham dan sebagainya. Namun dalam memperbanyak sumber pendapatan dan harta, perlu diteliti sumbernya daripada sesuatu yang halal supaya kita tidak terlibat dengan sumber-sumber yang haram. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (salah). Kecuali dengan perantaraan perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu.”

(An-Nisa' : 29)

10

Menurut penerangan di dalam kitab *Tafsir Fi Zilalil Quran*, makan harta dengan jalan yang salah merangkumi segala cara pertukaran dan peredaran wang yang tidak diizinkan Allah SWT atau yang dilarang Allah SWT. Di antaranya ialah perbuatan menipu, menerima atau memberi rasuah, berjudi, menyorok barang-barang keperluan dengan tujuan menaikkan harganya, segala jenis jual beli yang diharamkan dan terutamanya riba.

Imam Ibn al-'Arabi menegaskan ayat ini menerangkan satu dari kaerah utama dalam muamalat Islam, juga merupakan asas bagi semua kontrak pemilikan. Erti 'makan' di dalam ayat tersebut adalah merangkumi penerimaan, pemberian dan penggunaan, digunakan lafadz 'makan' sebagai suatu perumpamaan.

Manakala maksud *al-batil* menurut Ibn al-Arabi:

“Apa sahaja yang tidak halal menurut syarak seperti riba, gharar dan seumpamanya yang tiada faedah dan manfaat (buat Islam).”

Imam al-Qurtubi memasukkan perjudian, pertaruhan, penipuan, rampasan, khianat, mengingkari hak orang lain, mengambil hak orang lain tanpa restui, upah pelacuran, upah tukang tilik, bomoh, harga dan untung jualan arak, babi dan banyak lagi, semua ini tergolong dalam makana harta secara batil. Beliau menyimpulkan.

“Sesiapa yang memakan harta orang lain tidak di atas landasan izin syarak, maka dia telah makan secara batil.”

Menurut Muttafaqun 'Alaih, kata *bil batil* dalam ayat ini adalah pengecualian dari semua pertukaran yang tidak dibolehkan oleh syarak seperti riba atau pertukaran yang disertai penipuan, atau pertukaran yang rosak seperti pertukaran *khamar*, babi dan sebagainya.

Manakala "*perniagaan yang dilakukan dengan cara suka sama suka di antara kamu*" dertiakan sebagai sebagai sesuatu pengecualian yang *munqati'* (*istithna' munqati'*), di mana jika cara itu berupa perniagaan yang dilakukan dengan semangat suka sama suka di antara kamu, maka ia tidak termasuk dalam larangan ayat yang silam. Namun muamalah perniagaan yang diterangkan sedemikian rupa di dalam ayat al-Quran menyarankan bahawa muamalah itu mempunyai semacam hubungan dengan muamalah-muamalah yang lain yang disifatkan sebagai muamalah-muamalah yang memakan harta orang lain dengan cara yang salah.

Falsafah Larangan Riba

Pengertian Riba

- Riba adalah pertambahan dan peningkatan. Selain itu, ia juga bermaksud tambahan atau lebih yang diperolehi oleh salah satu pihak daripada pihak yang lain tanpa mendapat imbalan yang wajar.

Kesan Riba terhadap negara

- Riba boleh mendorong kesan terhadap keseimbangan dalam ekonomi sesebuah negara. Faedah yang tinggi boleh membawa kepada ketidakseimbangan dari segi penawaran dan permintaan seterusnya boleh membawa negara ke kancang kemelesetan ekonomi; dan
- Riba yang tinggi memusnahkan daya penarik pelabur, menyebabkan kekurangan pekerjaan dan pendapatan. Ia juga boleh mengakibatkan inflasi.

Kesan Riba terhadap masyarakat

- Riba adalah jalan yang paling tidak elok dalam mendapatkan serta mengumpulkekayaan kerana berlaku unsur penindasan dan ketidakadilan ke atas masyarakat yang miskin dan tidak berkemampuan;
- Riba boleh merosak dan merenggangkan perhubungan antara masyarakat di mana pihak pemberi hutang akan bertambah kaya sementara penerima hutang akan bertambah miskin dan tertekan; dan
- Riba boleh meruntuhkan moral dan nilai integriti dalam sesebuah masyarakat.

Kesan Riba terhadap individu

- Riba hanya menyumbang kepada sifat malas untuk berusaha di kalangan individu di mana mereka hanya memikirkan jalan mudah untuk menghasilkan wang dan pendapatan;
- Riba menjadikan seseorang individu bersifat tamak, kedekut dan zalim terhadap individu yang lain; dan
- Nilai kompetensi seseorang individu akan jatuh dengan pengamalan riba kerana seseorang yang mempunyai nilai kompetensi yang tinggi tidak akan mengambil jalan mudah dalam mencari keuntungan.

Falsafah Larangan Judi (*Qimar/Maysir*)

Pengertian Judi (*Qimar/Maysir*)

- Judi atau dalam bahasa Arab disebut sebagai *qimar* atau *maysir*, ianya bermaksud apa jua aktiviti yang melibatkan pertaruhan, iaitu pihak yang menang akan mengambil semua pertaruhan dan pihak yang kalah akan kehilangan pertaruhannya.

Kesan Judi terhadap negara

- Rapuhnya kestabilan sistem ekonomi, politik dan sosial;
- Merencatkan perancangan pembangunan negara;
- Prinsip atau nilai keadilan dan kesaksamaan negara dinodai; dan
- Integriti sesebuah negara diragui.

Kesan Judi terhadap masyarakat

- Ianya boleh menjadi punca perpecahan di kalangan masyarakat. Sekiranya tidak dibendung, parasit ini akan terus membiak dan menjadi barah kepada generasi akan datang dan negara akan mempunyai sahsiah yang sangat buruk; dan
- Ia juga meruntuhkan moral dan integriti sesebuah masyarakat.

Kesan Judi terhadap individu

- Perjudian juga mendorong individu supaya suka berhutang, tetapi tidak mahu membayarnya;
- Wang judi tidak menjadikan kita seorang hartaawan atau jutawan, tetapi sebaliknya menjadikan kita seorang yang suka berdusta, pemarah dan tidak amanah; dan
- Judi menjadikan keluarga seperti anak dan isteri orang yang berjudi terabai.

12

Falsafah Larangan *Gharar* (Ketidakpastian)

Pengertian *Gharar*

- *Gharar* bererti sesuatu yang berbahaya dan ia juga bermaksud penipuan. Dari segi istilah, *gharar* merujuk kepada unsur-unsur ketidakpastian yang boleh mendedahkan seseorang itu kepada bahaya.

Kesan *Gharar* terhadap negara

- Pengaplikasian *gharar (fahish)* sama ada dalam kontrak atau sebarang transaksi akan mengakibatkan ketelusan sesebuah institusi negara dipertikaikan;
- *Gharar* menyekat perkembangan dan pembangunan lestari ekonomi global di mana transaksi yang dilakukan dengan adanya *gharar* menyebabkan sesuatu kontrak terbatal; dan
- *Gharar fahish* termasuk dalam bentuk risiko yang diharamkan dalam Islam iaitu risiko yang mengandungi elemen ketidakpastian secara melampau.

Kesan *Gharar* terhadap masyarakat

- Wujudnya *gharar* dan unsur spekulatif yang boleh menimbulkan sikap permusuhan, perbalahan dan ketidakadilan pada orang yang dirugikan; dan
- Menggalakkan masyarakat memperolehi pendapat secara batil

Kesan *Gharar* terhadap individu

- Pengaplikasian *gharar* seperti dalam jual beli boleh menimbulkan kerugian kepada orang yang membeli; dan
- *Gharar* merupakan punca seseorang individu itu lemah. Oleh kerana malas menggunakan fikirannya secara optimum dalam menganalisa sesuatu di hadapannya, maka jalan mudah seperti penipuan dijadikan amalan.

Pengurusan risiko dan *gharar* menurut Islam

Pengurusan risiko bermaksud suatu prosedur dan proses untuk mengenalpasti, menganalisis, menilai serta mengendali risiko yang tidak diingini ke tahap yang paling minimum. Dalam mengurus risiko yang bakal dihadapi, sesebuah firma atau institusi kewangan boleh menggunakan teknik merama/menjangka risiko, mengelakkan risiko atau memindahkan risiko atau sebarang kombinasi teknik tersebut.

Adakah *gharar* (ketidakpastian) dan risiko merupakan istilah yang membawa maksud yang sama? Menurut Ibn Taimiyah risiko dalam bahasa Arab disebut sebagai *mukhatir* atau *mukhatarah* atau *khatr* (Ibn Manzur, t.t). *Mukhatir* atau *mukhatirah* merupakan lafadz yang lahir daripada perkataan *khatr*.

Risiko juga bermaksud terdapat kemungkinan berlaku penyimpangan yang tidak menyenangkan terhadap hasil sesuatu aktiviti daripada apa yang diingini atau diharapkan - *Elliott, C. M. dan Vaughan, E. J.*, 1972

Kemungkinan sesuatu yang kita harapkan berlaku tidak pula terjadi atau sesuatu yang kita harapkan berlaku gagal berlaku itulah yang dinamakan risiko - *Athearn, J. L.*, 1977

Dalam konteks ekonomi, kerugian merujuk kepada pengurangan atau penyusutan sesuatu nilai. Sehubungan itu, risiko boleh juga dertiikan sebagai kemungkinan berlaku kerugian - *Megginson, William L.*, 1997

Pengurusan risiko dan *gharar* menurut Islam

13

1. Risiko yang mesti ditanggung

Risiko ini merupakan risiko yang wajib ditanggung dan tidak boleh dielakkan dalam usaha mendapatkan keuntungan. Sebagai contoh peniaga yang menjalankan perniagaannya harus menanggung risiko sekiranya terdapat kerosakan, kecacatan atau susut nilai terhadap barang jualannya sebelum barang tersebut diserahkan kepada pembeli.

2. Risiko yang diharamkan

Risiko yang diharamkan adalah yang berkaitan dengan aktiviti memperolehikekayaan tanpa asas syarak di mana tiada pertumbuhan kekayaan sebenar diwujudkan. Antara risiko yang diharamkan ialah risiko yang mengandungi elemen ketidakpastian secara melampau (*gharar fahish*). Termasuk juga dalam kategori ini ialah *gharar* yang lahir hasil daripada perjudian (*maysir*) dan *zero-sum game* yang diharamkan oleh syarak (al-Suwailem, 2000).

3. Risiko yang boleh diurus

Terdapat satu lagi kategori risiko yang mana tidak merangkumi mana-mana jenis risiko yang haram atau mesti ditanggung. Risiko ini boleh dikawal dan diurus agar tidak berlaku sebarang kerugian. Malah, jika berlaku kerugian sekalipun, ia boleh dikurangkan ke tahap paling minimum. Justeru, pendekatan tertentu boleh diambil bagi mengelakkan risiko ini.

SISTEM PERBANKAN & KEWANGAN ISLAM: SATU PENYELESAIAN

Islam adalah sistem hidup yang lengkap, bersifat sepada, saling berkait dan menguatkan antara satu aspek dengan aspek lain. Sistem ini berbeza daripada sistem lainnya dari segi wataknya, gagasannya tentang kehidupan dan cara pelaksanaannya. Perbezaan ini adalah perbezaan yang asasi dan menyeluruh. Oleh itu Islam tidak bertanggungjawab terhadap masalah yang timbul dalam masyarakat hari ini kerana masalah itu lahir akibat Islam dipisahkan daripada realiti kehidupan.

Sebenarnya untuk mengambil Islam sebagai penyelesaian masalah, terlebih dahulu Islam perlu dijadikan pengatur seluruh kehidupan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia ini. Setelah itu apabila timbul persoalan atau permasalahan barulah wajar untuk meminta pandangan Islam mengenai persoalan itu kerana masalah itu timbul dalam sistem Islam, bukan ditimbulkan oleh sistem bukan Islam.

Kenapa Perlu memilih Perbankan Islam?

Perbankan Islam menangani krisis kewangan global

Umum menyedari bahawa struktur kewangan Islam menjadi penyelamat dan penyelesaian kepada masalah kegawatan ekonomi yang timbul. Hal ini jelas terbukti apabila Amerika Syarikat telah menghadapi kejatuhan ekonominya akibat sistem kapitalis. Kegawatan ini bermula dari kes pinjaman dan pensekuritian bon Subprima. Isu ini mula menggugat ekonomi Amerika mulai tahun 2007 dan berterusan sehingga lalu berlakunya kebankrakan dan kerugian besar kepada syarikat gergasi di Bursa Saham Wall Street seperti Lehman Brothers, Merrill Lynch, AIG dll. Saham-saham di papan utama juga telah menjunam jatuh ke tahap yang benar-benar teruk.

14

Perbankan Islam sebagai imunisasi kewangan

Kebolehan Sistem Perbankan dan Kewangan Islam dalam mengharungi situasi gawat benar-benar diuji keberkesanannya. Bank-bank Islam diseluruh dunia tidak mengalami masalah besar malah ada yang tidak terkesan dengan masalah tersebut. Bertitik tolak daripada keadaan tersebut, semakin banyak negara-negara yang penduduk majoritiannya bukan Islam mula mendapatkan khidmat nasihat untuk menjalankan Sistem Perbankan Islam. Ini kerana, produk perbankan Islam terbukti mampu menangani kemelut ekonomi dalam sistem pasaran kapitalis.

Konsep Syariah yang dilaksanakan dalam produk industri perbankan kini semakin bertambah dan meluas setelah wujudnya persaingan antara pengamal pasaran peringkat tempatan dengan pengamal pasaran antarabangsa.

Perkembangan ini menunjukkan bahawa pengamal perbankan Islam kini semakin bersedia dan memahami keperluan kepada mempertingkatkan kepelbagaiannya produk bagi memenuhi kehendak pelanggan yang memerlukan kepada produk kewangan Islam yang patuh Syariah. Selain inisiatif pengamal pasaran, ulama Islam juga mula menunjukkan kefahaman mereka terhadap struktur produk yang lebih kompleks dan pelbagai. Peranan institusi Hisbah juga menjadi sangat penting sebagai satu badan yang menstruktur suasana dan keadaan ekonomi di negara Islam agar berjalan di atas landasan yang mantap dan dibenarkan syarak.

Pengurusan Risiko yang mantap

Dalam perbankan Islam, pengurusan risiko menjadi lebih mencabar kerana keunikan sifat risikonya dan keperluan kepatuhan kepada prinsip Syariah. Dalam proses penilaian, penyelia bank perlu memberikan perhatian yang wajar terhadap kecukupan pengawasan pengarah dan pengurusan kewangan, dasar, prosedur dan had, pengukuran risiko, sistem pemantauan dan pengurusan maklumat serta kawalan dalaman. Dalam hubungan ini, piawaian pengurusan risiko yang dikeluarkan oleh *Islamic Financial Services Board* (IFSB) bertindak sebagai panduan kepada penyelia bank.

KELEBIHAN PERBANKAN ISLAM BERBANDING PERBANKAN KONVENTIONAL

Tidak dapat dinafikan, bahawa sistem perbankan Islam sangat berbeza dengan sistem perbankan konvensional. Namun begitu, kebanyakan orang ramai hanya mengetahui perbankan Islam melalui luaran sahaja tanpa mengetahui operasi yang dijalankan, dan ada juga berpandangan bahawa operasi bank-bank Islam adalah sama dengan operasi bank-bank konvensional. Pandangan-pandangan negatif ini tidak boleh dijadikan hujah selagi mana ianya tidak dibuktikan. Berikut adalah beberapa kelebihan yang ada di bank-bank Islam dan ciri-ciri yang disebutkan merupakan faktor kenapa ramai orang bukan Islam memilih untuk menjadikan bank-bank Islam sebagai perbankan utama mereka. Berikut ialah kelebihan perbankan Islam:



1. Produk yang ditawarkan

- Produk yang ditawarkan adalah bersumber daripada sesuatu yang baik dan halal. Manakala sesuatu yang baik dan halal adalah menjamin keselamatan pelanggan;
- Produk dan kemudahan yang ditawarkan oleh perbankan Islam adalah setanding dengan perbankan konvensional; dan
- Selain kemudahan deposit dan pembiayaan, perbankan Islam turut menawarkan kemudahan lain seperti pembiayaan perdagangan (*trade finance*), pindahan wang (*fund transfer*), perbendaharaan dan pasaran modal Islam (*treasury & Islamic capital market*), tukaran matawang asing (*foreign exchange*) dan sebagainya.

2. Sistem dan operasi yang dilaksanakan

- Pelaksanaan sistem dan operasi berdasarkan dua faktor penting iaitu agama dan keuntungan berbeza dengan konvensional yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata;
- Perbankan Islam mengamalkan sistem perkongsian keuntungan yang adil di mana ia menggunakan prinsip Mudharabah pada produknya. Sekiranya pihak bank mendapat keuntungan yang tinggi,

- jumlah yang sama juga akan diterima oleh pelanggan mengikut nisbah yang ditetapkan;
- Sekiranya pelanggan membuat penyelesaian awal hutangnya, bank akan memberi *ibra'* (rebate) terhadap hutang sebagaimana yang telah diwajibkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM);
 - Pelanggan yang lewat membuat pembayaran bulanan akan dikenakan *caj lewat bayar* yang minimum sebanyak 1% iaitu *ta'widh* (ganti rugi). Caj ini adalah sama bagi setiap institusi perbankan Islam dan tidak akan berganda seperti perbankan konvensional; dan
 - Perbankan Islam juga menyediakan perkhidmatan perbankan melalui talian internet dan mobil seperti perbankan internet (*internet banking*) dan perbankan mobil (*mobile banking*). Selain itu juga, bank-bank Islam turut menyediakan perkhidmatan perbankan tanpa cawangan seperti penyediaan mesin juruwang automatik (*automated teller machine (ATM)*), mesin deposit tunai (*cash deposit machine (CDM)*) dan terminal deposit cek (*cheque deposit terminal (CDT)*).

3. Pengurusan/tadbir urus yang tersusun

- **Garis panduan**
 - Pengurusan dan tadbir urus Perbankan Islam meliputi aspek perundangan, prosedur dan instrumen yang menjadi asas untuk mencapai keadilan dan kesaksamaan.
 - Transaksi yang dijalankan adalah mengikut garis panduan Syariah. Contohnya, segala perolehan atau hasil yang terbit daripada urusan perbankan yang tidak mematuhi Syariah dan garis panduan Syariah akan disalurkan kepada badan-badan amal.
- **Pemantauan**
 - Segala urusan perbankan Islam akan dipantau oleh Bank Negara Malaysia (BNM) Ahli Majlis Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Audit Syariah. Mereka adalah individu yang bertanggungjawab dalam memastikan kepatuhan hukum Syariah di sesebuah bank.

PANDANGAN BUKAN ISLAM TERHADAP PERBANKAN ISLAM

Mungkin ada di kalangan bukan Islam beranggapan bahawa perbankan Islam hanya untuk orang Islam. Ini berlaku mungkin kerana nama perbankan Islam itu sendiri. Sebenarnya, perbankan Islam tidak terhad untuk pengguna Islam sahaja, malah semua masyarakat boleh menggunakan produk-produk perbankan Islam kerana ia beroperasi berlandaskan nilai-nilai moral yang menitikberatkan kebajikan semua pihak samada pelanggan ataupun pihak bank itu sendiri. Perbankan Islam juga banyak memberi kelebihan dan manfaat kepada pengguna.

Dalam satu tulisan, dipaparkan perbincangan reaksi terhadap tulisan Ketua Pengarang majalah Challenges dalam lidah pengarangnya bertarikh 12 September 2008 dengan tajuk *Le pape ou le Coran* (Pope atau al-Quran). Majalah ekonomi terkemuka Eropah berbahasa Perancis itu membuat kejutan dengan tajuk rencana berkenaan di mana Ketua Pengarangnya, Vincent Beaufils menulis dan bertanyakan mengenai etika kapitalis dan peranan Kristian sebagai agama khasnya gereja Katolik yang memburukkan krisis dan mempermudahkan masalah faedah sehingga membawa dunia ke tepi jurang.

Vincent Beaufils, Ketua Pengarang Majalah Challenges

“Saya fikir, dalam menghadapi krisis ini kita perlu lebih banyak membaca al-Quran daripada Bible demi untuk memahami apa yang benar-benar berlaku terhadap kita dan perbankan kita. Ini kerana jika pelaku perbankan kita mencuba untuk menghormati apa yang tertera dalam al-Quran mengenai ajaran dan hukumnya kemudian mereka menerapkannya sudah tentu bencana dan krisis ini tidak akan menimpa kita dan kita tidak akan sampai kepada suatu keadaan yang membimbangkan ini; kerana wang tidak melahirkan wang.”

Roland La Sceen, Ketua Pengarang Majalah Le Journal de Finance

Dalam salah satu pembukaan majalahnya, beliau menulis dengan lebih berani dan jelas dengan tajuk *“Apakah Wall Street sudah layak untuk menerapkan prinsip-prinsip Syariah Islam?”* Dalam tulisan berkenaan, beliau menyeru akan betapa pentingnya menerapkan Syariah Islam dalam bidang kewangan dan ekonomi untuk menghadkan kemaraan krisis yang menggoncang pasaran global akibat permainan kotor ke atas prinsip-prinsip kontrak dan sangat berlebihan dalam transaksi-transaks palsu yang haram. Beliau mendedahkan bahaya yang menimpa sistem kapitalis dan merayu untuk mencari penyelesaian alternatif ke atasnya dengan memberikan beberapa jalan penyelesaian dan berada di urutan atas adalah penerapan Syariah Islam walaupun ia bercanggah dengan adat istiadat Barat dan kepercayaannya.

Loretta Napoleoni, Penulis dan Pengkaji Wanita dari Itali

“Ketika bank-bank konvensional terlilit masalah akibat krisis kewangan, jumlah pelanggan Islamic Bank of Britain (IBB) meningkat lima peratus, termasuk pelanggan sektor pembiayaan yang naik menjadi 13 peratus. Di antara pelanggan baru itu, ramai pelanggan bukan Islam.”

Sultan Choudhury, Pengarah Komersial Islamic Bank of Britain (IBB)

“Orang kini beralih ke bank Islam kerana bank berasaskan Islam memiliki perlindungan yang lebih baik daripada pengaruh kredit tak berbayar yang saat ini menimpa bank konvensional”.

PANDANGAN AGAMA-AGAMA LAIN TERHADAP LARANGAN BERTRANSAKSI DENGAN SESUATU YANG HARAM

Pandangan Yahudi – Hebrew Bible

- Exodus (Keluaran) 22:25 menyatakan: *“Jika engkau meminjamkan wang kepada salah seorang daripada ummah-Ku, orang yang miskin di antaramu, maka janganlah engkau berlaku sebagai seorang penagih hutang terhadap; janganlah kamu bebankan bunga wang kepadanya.”* – Al-Kitab, hlm. 93
- Leviticus (Imamat) 25:35-7 menyatakan: *“Apabila saudaramu jatuh miskin, sehingga tidak sanggup bertahan di antaramu, maka engkau harus menyokong dia sebagai orang asing dan pendatang, supaya ia dapat hidup di antaramu. Janganlah engkau mengambil bunga wang atau riba daripadanya, melainkan engkau harus takut akan Allahmu, supaya saudaramu dapat hidup di antaramu. Janganlah engkau memberi wangmu kepadanya dengan meminta bunga, juga makananmu janganlah kau berikan dengan meminta riba.”* – Al-Kitab, hlm. 150

Pandangan Kristian

- Luke 6:34-35 menyatakan: *“Dan jika kau meminjamkan sesuatu kepada orang, kerana kau berharap akan menerima sesuatu daripadanya, apakah jasamu? Orang-orang berdosa pun meminjamkan kepada orang-orang berdosa, supaya mereka menerima kembali sama banyak. Tetapi kau, kasihilah musuhmu dan berbuatlah baik kepada mereka dan pinjamkan dengan tidak mengharapkan balasan, maka upahmu akan besar dan kau akan menjadi anak-anak Tuhan Yang Maha Tinggi, sebab ia baik terhadap orang-orang yang tidak tahu berterima kasih dan terhadap orang-orang jahat”.* – Al-Kitab, hlm.83
- Timothy 6:10 *“Bagi mereka yang mencintakan wang ia adalah punca bagi segala kejahatan. Bagi mereka yang terlalu taksub berlumba mendapatkan wang dan mengabaikan tanggungjawab agama, seolah dia mencucuk dirinya dengan kesedihan di kemudian hari.”*

19

Pandangan Hindu

- Sarasamuscaya:19.25 menyatakan: *“Dan lagi, jangan hendaknya mengambil kala belum ada perjanjian, jangan engkau minum-minum yang memabukkan, jangan melakukan pembunuhan, jangan berdusta dalam kata-kata, jangan menginginkan isteri orang lain jika bermaksud akan pulang ke syurga”.*

Pandangan Buddha

- Tipitaka: *Kitab ini ada menceritakan enam perkara bahaya akibat judi: Pertama bagi yang menang akan mengundang kebencian, kedua bagi yang kalah akan tertekan kerana kehilangan wang, ketiga tidak ada perkataan yang boleh digunakan untuk pembelaannya di mahkamah, keempat dia akan dijauhi oleh rakan dan keluarga, kelima dia akan susah untuk menemui jodoh kerana tiada yang mahu bersamikan si penjudi dan keenam mencari kekayaan atas pertaruhan menyebabkan kesengsaraan kepada orang lain (yang kalah)”.*

PENUTUP

PERBANKAN Islam ialah perbankan yang berlandaskan undang-undang Islam (Syariah), di mana ia merupakan sistem perbankan yang masih dianggap baru di Malaysia jika dibandingkan dengan konvensional. Sistem ini mendapat sambutan daripada masyarakat Malaysia termasuklah bukan Islam.

Penglibatan golongan bukan Islam yang ramai dalam perbankan Islam memberi impak yang besar di mana ia dapat membuka mata dunia bahawa sistem ini bukan hanya terhad kepada golongan Islam sahaja malah selain darinya.

Malah Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) sendiri memberi tumpuan untuk meningkatkan bilangan pelanggan bukan Islam sebagai langkah proaktif bagi meningkatkan pasaran produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang semakin menarik perhatian masyarakat bukan Islam di Eropah.

Manakala dalam pemasaran, intrepretasi dan penggunaan terma yang tepat dan betul bagi sesuatu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan dalam sistem perbankan Islam juga merupakan elemen penting bagi menarik minat orang bukan Islam terhadap sistem ini. Semoga dengan adanya sokongan daripada masyarakat Malaysia, sama ada golongan beragama Islam dan bukan Islam, sistem ini dapat diperluaskan bagi memberi keadilan, keselesaan dan keselamatan pelanggan-pelanggan perbankan Islam.

GLOSARI

20

<i>Al-'Adl' wal Ihsan</i>	Prinsip keadilan dan ihsan
<i>Al-Falah</i>	Kejayaan
<i>Al-Ijarah thumma al-Bai'</i>	Akad sewa yang disusuli dengan pemilikan barang oleh penyewa melalui akad jual beli
<i>Bai Bithaman Ajil (BBA)</i>	Akad jual beli berdasarkan pembayaran tertangguh pada harga tertentu
<i>Ijarah</i>	Akad sewa atau upah yang melibatkan faedah/manfaat daripada sesuatu aset atau tenaga kerja dengan bayaran atau upah tertentu dalam tempoh yang dipersetujui
<i>Mudharabah</i>	Kontrak antara dua pihak untuk membiayai usaha niaga perniagaan. Kedua-dua pihak adalah rabb al-mal atau pelabur tunggal yang menyediakan modal dan mudarib atau usahawan tunggal yang menguruskan projek tersebut. Jika usaha niaga itu mendatangkan keuntungan, keuntungan akan dibahagikan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui. Jika perniagaan itu mengalami kerugian, ia akan ditanggung sepenuhnya oleh penyedia modal
<i>Qard Hasan</i>	Akad pinjaman berdasarkan ihsan
<i>Syariah</i>	Undang-undang Islam yang berteraskan pelbagai sumber – al-Quran, as-Sunnah, ijmak (pandangan yang dipersetujui secara kolektif oleh ulama Syariah), qiyas (analogi) dan ijтиhad (pendapat para mujtahid)
<i>Wadi'ah</i>	Akad simpanan harta yang diamanahkan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk dijaga dan dipulangkan apabila diminta
<i>Wadi'ah yad dhamanah</i>	Akad simpanan dengan jaminan

BIBLIOGRAFI

1. Al-Quran al-Karim
2. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia, Kuala Lumpur: JAKIM
3. Abdul Halim el-Muhammady (2008), Undang-undang Muamalat & Aplikasinya kepada produk-produk Perbankan Islam: Aras Mega (M) Sdn. Bhd
4. Al-Harran, Saas (Ed.) (1995), Leading Issues in Islamic Banking and Finance, Petaling Jaya: Pelanduk Publication
5. Bank Negara Malaysia (2010), Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi Kedua: Bank Negara Malaysia
6. Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Halal & Haram dalam Islam, Darul Syakir
7. Joni Tamkin Borhan (2000), Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangannya, Jurnal Usuluddin, Bil. 12
8. Joni Tamkin Borhan (2001), Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya, Jurnal Usuluddin, Bil. 14
9. Radiah Abdul Kader (2001), Ekonomi Islam, Kuala Lumpur : Univision Press
10. Saiful Azhar Rosly (2005), Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets, Kuala Lumpur: Dinamas Publishing
11. Sudin Haron (1996), Prinsip dan Operasi Perbankan Islam, Kuala Lumpur: Berita Publishing
12. Suruhanjaya Sekuriti (2006), Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Edisi Kedua: Suruhanjaya Sekuriti
13. Zaharuddin Abd. Rahman (2009), Panduan Perbankan Islam Kontrak & Produk Asas: Telaga Biru Sdn. Bhd.
14. Zaharuddin Abd. Rahman (2010), Riba dan Isu Kewangan semasa Telaga Biru Sdn. Bhd.

Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my

Pusat Panggilan Pelanggan
Talian Bebas Tol:**1300-88-8787**